

BAB 4

KONSEP “KOMUNIKASI BERSEPADU”

DALAM KONTEKS KEAMANAN SOKA GAKKAI

4.1 ***Eso-funi* : Kesatuan Kehidupan Dan Persekutaran**

Sejak manusia wujud di bumi, mereka terus melakukan perubahan ke atas alam semula jadi untuk memenuhi keperluan hidup mereka. Perkembangan tamadun saintifik moden terus mencetuskan satu konsepsi bahawa manusia dan alam semula jadi merupakan dua entiti yang bertentangan. Demi kepentingan manusia, maka alam semula jadi seharusnya ditakluki. Dalam usaha penaklukan bumi ini, kaedah saintifik memainkan peranan yang penting.

Kaedah saintifik yang dinyatakan di atas juga bertentangan langsung dengan konsep *esho-funi* yang menekankan kesatuan kehidupan dan persekitaran. Kesan ajaran saintifik ini mengasingkan *funi*¹ daripada *shoho* dan *esho*.² Akibatnya, manusia dipisahkan daripada persekitaran semula jadi. Rasa hormat dan gerun manusia terhadap persekitarannya sudah luput. Dalam usaha menakluki alam semula jadi, manusia telah memporak-perandakan rentak dan atas alam semula jadi.

Walaupun sains dan teknologi telah mencapai ke suatu tahap perkembangan yang menakjubkan, namun perkembangan sains dan teknologi turut mengakibatkan ketandusan dan kekontangan bumi. Tamadun zaman moden hanya bagaikan kemenangan teknologi sains, dan bukan kemenangan kemanusiaan. Apabila keperimanusiaan dan ketandusan jiwa manusia lenyap, segala tindak-tanduk manusia akan berasaskan nafsu instink. Lebih-lebih lagi, perasaan segan akibat melakukan

kesalahan juga lenyap. Pada hemat Ikeda, hanya agamalah yang dapat menghidupkan semula sifat kemanusiaan, yang boleh dijadikan tapak pertumbuhan budaya baru. Beliau berpendapat budaya akan tersisih, dan sifat kemanusiaan akan lenyap jika manusia kehilangan pegangan agama yang sempurna.

Hanya pegangan keagamaan yang menegaskan pengekalan keharmonian kehidupan manusia dan persekitaran sahajalah manusia yang merupakan sebahagian daripada alam semula jadi itu dapat terus hidup bersama secara selesa dengan alam semula jadi. Dengan perkataan lain, jika penerapan sains tidak dipandu dan diarahkan oleh agama, ia akan dieksplotasi semata-mata untuk memuaskan sifat ketamakan manusia sehingga akhirnya ia menjadi pemusnah bumi.

Ajaran Buddhisme menyatakan bahawa persekitaran manusia dan alam semula jadi tidak menentang antara satu sama lain, sebaliknya kedua-dua unsur itu saling melengkapi. Perkaitan ini sejajar dengan prinsip *esho-funi*, yang menyatukan diri manusia dengan persekitaran supaya menjadi satu entiti yang sama.³

Aliran pemikiran Buddhisme menegaskan atas muktamad yang membawa kepada kesatuan subjek dan persekitaran dalam daya hidup kosmik. Manusia tidak dapat berpisah daripada pengaruh persekitaran, sebaliknya persekitaran didapati mempengaruhi kehidupan manusia sendiri.

Ajaran Buddhisme tersebut telah meresapi pemikiran manusia sejak abad-abad yang lampau dan turut menjadi petunjuk kepada manusia dalam hubungan manusia- persekitaran sehingga hari ini. Prinsip *esho-funi* pula menyedari mereka

bahawa manusia dan alam semula jadi adalah saling bergantung dan bertalian rapat. Manusia seharusnya sedar bahawa sebarang tindakan oleh mereka akan memberi kesan terhadap alam semula jadi. Oleh yang demikian, kita perlulah berbalik kepada “asas manusia” yang dikatakan bertitik tolak dari manusia, dan berakhir juga pada manusia. Dengan kata lain, fokus perlu ditumpukan kepada manusia itu sendiri. Perubahan pada “hati” manusia akan menyebabkan perubahan kehidupan manusia, dan seterusnya membawa kepada perubahan persekitaran.

Presiden SGI Daisaku Ikeda pernah mengatakan bahawa tanggungjawab pemeliharaan persekitaran terletak pada bahu manusia. Jika manusia sendiri tidak mahu berubah sikap, maka krisis yang berpunca dari situ tidak dapat diselesaikan. Jika hati seseorang itu dicemari, maka “hati” inilah yang akan merosakkan persekitaran, dan seterusnya membawa pencemaran kepada alam semula jadi. Beliau juga mengkritik secara tajam bahawa “kegurunan pada bumi” sebenarnya berasal daripada “kegurunan hati manusia”. Ringkasnya, perubahan “hati dalaman” manusia adalah kekunci untuk menyelesaikan masalah persekitaran.

4.2 Konsep “Komunikasi Bersepadu” dalam Aktiviti Keamanan SGM

Manusia mesti menyedari bahawa keadaan semula jadi sebenarnya merupakan satu entiti hidup melampaui perkara-perkara seperti masyarakat, negara, dan ras. Walaupun manusia sebagai salah satu komponen entiti memperlihatkan pelbagai sifat sosial mengikut perkembangan tempoh sejarah, ras atau bangsa, namun demi mempertahankan martabat manusia, mereka mestilah berpegang teguh kepada prinsip “hidup bersama” dengan alam semula jadi. Dengan kata lain, manusia mesti sedar bahawa, sebagai satu entiti kehidupan, mereka berkongsi bersama keadaan semula

jadi dalam kehidupan. Hidup bersama dengan alam persekitaran secara harmoni perlu dititikberatkan supaya manusia diperakui sebagai entiti kehidupan yang sanggup membentuk satu kesatuan yang bersifat sejagat.

4.2.1 Aktiviti Dialog Keamanan

Ajaran agama Buddha yang menitikberatkan nyawa manusia itu berorientasikan keamanan. Fahaman keamanan dari ajaran agama Buddha telah menjadi pegangan asas Soka Gakkai. Salah satu daripada matlamat utama gerakan kemanusiaan yang dianjurkan oleh Soka Gakkai itu menegaskan usaha melarang peperangan daripada berlaku dan membina masyarakat yang aman damai dan harmoni. Saling menghormati dan bersefahaman yang berasaskan kesatuan sejagat di kalangan masyarakat ini dipercayai akan memajukan pelbagai bidang seperti politik, ekonomi, dan kebudayaan.

Fahaman keamanan SGM turut menyebar dan menyemarakkan komunikasi dan dialog antara Ikeda dan pemimpin negara dan orang kenamaan dalam pelbagai bidang kepakaran. Cara demikian, diharap dapat melahirkan pemimpin dunia yang memperjuangkan keharmonian dan keamanan. Dalam salah satu dialog di antara Mendiang Arnold Toynbee dan Daisaku Ikeda, Toynbee mengatakan bahawa beliau mengesyaki bahawa sebarang keamanan dunia pada masa hadapan akan muncul akibat pembentukan satu empayar politik dunia secara kekerasan. Ikeda sebaliknya, menegaskan bahawa keamanan dunia mesti dicapai atas dasar persekutuan negara-negara yang merdeka.⁴ Jenis keamanan melalui persekutuan sebagaimana yang diidamkan Ikeda, dibina berdasarkan prinsip saling memahami dan mempercayai.

Demi mencapai kepercayaan dan persefahaman di antara pemimpin negara, Ikeda kerap mengunjungi negara-negara berkenaan demi mempromosi konsep keamanan. Sehingga kini, Ikeda telah bertemu dan berdialog dengan pemimpin dan golongan intelektual dari 54 buah negara. Isu yang sering dibicarakan tertumpu kepada keamanan dan kemanusiaan. Menyedari peranan dan pengaruh penting negara-negara seperti Amerika Syarikat, Rusia dan negara China, beliau telah banyak kali membuat lawatan ke negara-negara tersebut. Misalnya, Ikeda telah melawat sebanyak 28 kali ke Amerika Syarikat dan sebanyak 10 kali ke negara China.

Sumbangan beliau kepada keamanan menerusi tradisi berdialog telah mendatangkan hasil yang ketara. Setakat ini, Ikeda telah mengadakan sesi dialog dengan Setiausaha Agung Bangsa-Bangsa Bersatu dan para akademik seperti Arnold Toynbee, Rene Huyghe dari akademi Francais, Aurelio Paccei, Presiden Kelab Rom, Profesor Brian Wilson dari Universiti Oxford, dan Dr Karan Singh dari India⁵ (Gambar 4.1). Dalam lawatan beliau ke Malaysia pada tahun 1988 dan 2000, Ikeda juga menemui Perdana Menteri Malaysia YAB Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad (Gambar 4.2). Pada tahun 1993, Ikeda berdialog dengan bekas Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Banginda Sultan Azlan Shah di Tokyo. Menerusi perjumpaan dan perbincangan terhadap isu-isu penting bersama pemimpin-pemimpin dunia tersebut, Ikeda berjaya membina suatu warisan menegakkan keamanan yang pentingkan tradisi komunikasi dan berdialog, yang boleh dijadikan pelita kepada pemimpin-pemimpin generasi muda pada masa akan datang.

Usaha Ikeda dalam memupuk keamanan dunia menerusi aktiviti kebudayaan dan pendidikan, selain tradisi berdialog disanjung tinggi sedunia. Sebagai

penghargaan, beliau telah dianugerahkan pelbagai sijil kehormat oleh 81 buah institusi-institusi pengajian tinggi di seluruh dunia (Gambar 4.3). Antaranya termasuk “Profesor Kehormat” dan “Kedoktoran Kehormat” dari universiti-universiti seperti Universiti Harvard dan Universiti Oxford. Beliau juga menerima anugerah status “Rakyat Kehormat” dari lebih daripada 100 buah bandaraya dunia seperti New Zealand, Brazil, Perancis, Amerika Syarikat dan sebagainya. Pada 29hb November , 2000, Ikeda telah dianugerahi “Ijazah Doktor Persuratan Kehormat” dari Universiti Putra Malaysia. Dalam pidato penganugerahan tersebut, Profesor Madya Kamariah Hj. Abu Bakar, Dekan Falkuti Pengajaran Pendidikan UPM telah merumuskan sumbangan Ikeda dalam pembangunan masyarakat seperti yang berikut :⁶

... Beliau percaya cara terbaik untuk menyatukan hati dan jiwa semua warganegara ialah dengan pembinaan rangkaian kebudayaan yang seluas mungkin, melangkau batasan kenegaraan, ideologi, ras dan bangsa. Hanya dengan itu, kesangsian menjadi kepercayaan, permusuhan menjadi persefahaman ; sengketan dijauhi dan kedamaian abadi didampingi....

Sejajar dengan visi Ikeda untuk mempertingkatkan ideologi keamanan orang ramai, SGM sebagai salah sebuah daripada pertubuhan perikatan SGI juga bertungkus-lumus dalam usaha mewujudkan keharmonian di kalangan manusia di negara ini. Aktiviti-aktiviti komunikasinya yang berbentuk ceramah dan majlis interaksi, telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada ahli-ahlinya dan di kalangan orang ramai. Dari tahun 1999 hingga tahun 2000, sebanyak 9 kali ceramah keamanan telah diadakan (Lampiran 3 dan 4), para penceramah terdiri daripada ahli akademik universiti-universiti tempatan di Malaysia seperti Profesor Diraja Ungku A. Aziz, Profesor Tan Sri Dato' Dr Syed Jalaludin Syed Salim, Naib

Canselor UPM, Profesor Dato' Dr Firdaus Hj. Abdullah, Timbalan Naib Canselor UM dan lain-lain (Gambar 4.4).

Siri-siri ceramah keamanan tersebut diadakan dengan tujuan mempertingkatkan kesedaran masyarakat umum tentang isu-isu semasa di samping membantu membina masyarakat yang celik fikiran. Diharap usaha ini akan menyemai semangat toleransi dan sikap terbuka di kalangan rakyat. Dalam masyarakat majmuk yang berbilang kaum seperti Malaysia, sifat toleransi terhadap agama, kebudayaan dan kepercayaan adalah amat penting demi memupuk perpaduan dan keharmonian kaum. Kaedah komunikasi yang dianjurkan oleh SGM dalam bentuk ceramah tersebut telah menyumbang terhadap pencapaian matlamat ini.

Sehubungan tujuan tersebut, kaum wanita SGM turut memainkan peranan yang penting. Martabat dan peranan wanita dalam mendukung prinsip keamanan disanjung tinggi oleh Daisaku Ikeda. Menurut beliau :⁷

Women hold the key to opening a future filled with hope as Mahatma Gandhi emphasised, if strength is meant moral brute strength then, indeed, is womenless brute than man. If by strength is meant moral power then women is immeasurably man's superior... If nonviolence is the law of our being, the future is with women.

Sempena "Tahun Antarabangsa untuk Budaya Keamanan" pada tahun 2000, bahagian wanita dan bahagian belia wanita SGM telah menganjurkan konvensyen keamanan wanita yang bertemakan "Wanita Era Baru : Merintis Jalan ke Arah Budaya Keamanan" di seluruh negara sepanjang bulan Oktober dan November tahun 2000 di cawangan-cawangan SGM yang terletak di Johor, Kedah, Kelantan, Pahang,

Perak, Sabah, Sarawak, dan Selangor (Gambar 4.5). Kemuncak konvensyen ini ialah sesi forum dan persembahan multimedia untuk mengupas secara jelas maksud keamanan, peranan wanita dalam mewujudkan keamanan dan strategi untuk mewujudkan keamanan. Selaras dengan matlamat penganjuran konvensyen keamanan wanita ini, kempen menandatangani “Manifesto 2000” telah dilancarkan di seluruh negara oleh AJK Konvensyen Keamanan Wanita. Manifesto ini merangkumi enam ikrar seperti yang berikut :⁸

- a) Menghormati segala kehidupan,
- b) Menolak kekerasan atau keganasan.,
- c) Bersedia untuk memberi sumbangan,
- d) Mendengar untuk mencapai kesefahaman,
- e) Melindungi planet kita, dan
- f) Mengukuhkan perpaduan.

Kempen ini berjaya mengumpulkan sebanyak 19,808 tandatangan daripada ahli-ahli SGM dan rakan-rakan ahli SGM di seluruh negara dalam tempoh satu bulan sahaja. Tandatangan “Manifesto 2000” kemudiannya diserahkan kepada Setiausaha Eksekutif Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO Malaysia Encik Kenneth J. Luis, untuk tindakan selanjutnya. SGM berharap dengan komunikasi secara ini, mesej “mencintai keamanan” dapat dihayati dan dijadikan usaha sama rakyat Malaysia khasnya dan sejagat secara amnya.

4.2.2 Aktiviti Mencintai Alam Sekitar

Pemeliharaan alam semula jadi dan persekitaran tidak terpisah dari agenda pencapaian keamanan dan kestabilan dunia. Huru-hara dan perang bukan sahaja membazirkan pelbagai sumber alam tetapi juga mengorbankan nyawa mereka yang tidak berdosa. Ekologi persekitaran turut mengalami kerosakan yang serius akibat berlakunya tragedi-tragedi tersebut. Oleh itu, Soka Gakkai amat menekankan kempen mencintai alam sekitar sebagai langkah untuk mencapai matlamat keamanan.

Menerusi aktiviti kempen “Kitaran Semula Untuk Pengekalan Masa Hadapan”, dan pameran “Hari Kesedaran Persekitaran”, SGM telah menjemput Penasihat Khas Earth Council, Dr. Cielito Habito,⁹ dan Puan Ella Antonio, Pengurus Kawasan Asia Pasifik, Earth Council untuk memberikan ceramah (Gambar 4.6). Sehubungan dengan kempen ini, ahli-ahli SGM juga mengambil bahagian dalam aktiviti pengumpulan bahan-bahan yang boleh dikitar semula dan barang-barang terpakai untuk dijual, di samping bergotong-royong untuk membersihkan alam sekitar (Lampiran 5). Penyertaan ahli-ahli SGM secara sukarela dalam aktiviti-aktiviti tersebut telah mendapat pujian dari pihak kerajaan dan orang ramai.

Buddhisme mengajar tentang kesatuan kehidupan dan persekitaran (*esho-funi*), yang bermakna bahawa manusia berhubung rapat dengan persekitaran. Atas ikatan ini, selagi persekitaran mengalami ancaman pencemaran, manusia tidak akan hidup bahagia. Berasaskan pegangan ini, ahli SGM berharap aktiviti-aktiviti ceramah keamanan dan pencintaan alam sekitar yang dianjurkan selama ini boleh menyedarkan orang ramai tentang ikatan harmoni di kalangan manusia itu sendiri, antara manusia dengan manusia, dan antara manusia dengan persekitarannya.

Nota Kaki

1. *Funi* bermakna tidak dapat dipisahkan.
2. Dalam istilah fahaman Buddhisme, *Shoho* bermakna entiti kehidupan yang bebas, manakala *esho* bermakna persekitaran yang menunjangi kehidupan itu.
3. Daisaku Ikeda, *Life An Enigma, a Precious Jewel*, Terjemahan Charles S. Terry, (New York & San Francisco : Kadansha International Tokyo, 1982) hlm 34.
4. Rujuk *Cosmic*, Januari, 2001, hlm 42.
5. Kesemua dialog ini diterbitkan dalam penterjemahan pelbagai bahasa.
6. Rujuk *Cosmic*, Januari, 2001, hlm 27.
7. Rujuk *Cosmic*, Disember, 2000, hlm 38.
8. Maklumat ini diperolehi menerusi penyertaan Konvensyen Keamanan Wanita yang diadakan di Pusat Kebudayaan SGM, Cheras pada 22hb Oktober, 2000.

Gambar 4.1
Dialog dan Perjumpaan Daisaku Ikeda dengan Orang Kenamaan
dalam Pelbagai Bidang



Bersama Arnold J. Toynbee. (London, Mei 1972).



Bersama Andre Malraux. (Paris, Mei 1975).



Bersama Rosa Parks, pengasas pergerakan Hak Asasi Manusia Amerika.
(Los Angeles, 1993).

Sumber : Daisaku Ikeda, *A New Humanisme*, 1996.

Sambungan
Gambar 4.1



Bersama Dr Linus Pauling, pemenang Hadiah Novel untuk Kimia dan Keamanan. (Los Angeles, Feb 1987).



Bersama Setiausaha Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, Boutros-Ghali. (Tokyo, Disember 1993).



Bersama Dr Aurelio Peccei, Presiden Kelab Rom.
(Paris, Mei 1975).

Sumber : Daisaku Ikeda, *A Lasting Peace*, 1981 & *A New Humanisme*, 1996.

Gambar 4.2
Dialog dan Perjumpaan Daisaku Ikeda dengan Pemimpin Negara



Perjumpaan dengan Y.A.B. Dato Seri Dr Mahathir ,
Perdana Menteri Malaysia. (6.2.1998).



Perjumpaan dengan En Jiang Zemin, Presiden Republik Rakyat Cina. (26.11.98).



Perjumpaan dengan En Zhou Enlai di Beijing
(Disember, 1974).

Sumber : *Cosmic*, keluaran Januari & Ogos, 1999 dan Jun, 1988.



Perjumpaan dengan Kosygin di Moscow
(Mei ,1975).

Gambar 4.3
Pengiktirafan Umum Sumbangan Daisaku Ikeda



Penerimaan anugerah "First Rizal International Peace Award" di Fililina. (9.2 .1998)

大韓民國鬱陵郡「名譽郡民」證授與式



Penerimaan anugerah "Kerakyatan Kehormat" di Korea Selatan. (17.10.1998).



Penrimaan anugerah "abдумомунов Award", Republik Kyrgyz. (19.9.98. Tokyo).



Penerimaan "Plaque of Commendation", Bolivia. (1.10.98. Tokyo).

Sumber : *Cosmic*, keluaran November,1998 dan Mac,1999.

Sambungan
Gambar 4.3



Penerimaan Anugerah "Duta Keamanan"
oleh Daisaku Ikeda daripada PDPPBB



Encik David Krieger, Presiden Yayasan Keamanan Zaman Nuklear menyampaikan sijil "Duta Keamanan" (sisipan) dan sijil pujian khas kepada Daisaku Ikeda untuk menghargai sokongan beliau terhadap PBB dan sumbangan beliau untuk mewujudkan keamanan dunia.

Sumber : *Cosmic*, keluaran November, 1997.

Gambar 4.4
Ceramah Keamanan
di Pusat Kebudayaan SGM

a)




Sumber : *Cosmic*, keluaran April, 1999.

b)



Sumber : *cosmic*, keluaran Julai, 2000.

c)



Sumber : *Cosmic*, keluaran April, 2000.

4.1a Prof. Diraja Ungku A. Aziz, 7 hb Mac, 1999.

4.1b Prof. Dato' Dr. Firdaus Hj. Abdullah, Timbalan Naib Canselor UM, 21 hb Mei, 2000.

4.1c Prof Tan Sri Dato' Dr. Syed Jalaludin Syed Salim, Naib Canselor UPM, 12 hb Mac, 2000.

Sambungan
Gambar 4.4

d)




Sumber : *Cosmic*, keluaran September, 2000.

e)



Sumber : *Cosmic*, keluaran September, 1999.

f)



Sumber : *Cosmic*, keluaran September, 1999.

4.1d Prof. Dr. John Arul Philip, Ketua Jabatan Pendidikan Sains Sosial, Fakulti Pendidikan, UM, 16 hb Mei, 1999.


4.1e Prof. Dr. Anuar Zaini Md Zain, Naib Canselor UM, 16 hb Julai, 2000.

4.1f Prof. Dr. Rahim Mohd. Sail, Timbalan naib Canselor UPM, 18 hb Julai, 1999.

Gambar 4.5
Konvensyen Keamanan Wanita SGM di Seluruh Malaysia




Y.B. Dato' Dr. Siti Zaharah Sulaiman
Merasmikan Konvensyen Keamanan
Wanita SGM pada 29.10.2000.




Wanita Era Baru : Merintis Jalan ke Arah Budaya
Keamanan-Forum yang diadakan di K.L
(29.10.2000).



Forum yang diadakan di Seremban.
(22.10.2000).




Penyerahan 19,808 tandatangan "Manifesto 2000"
kepada En Kenneth J. Luis, Setiausaha Eksekutif
Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO Malaysia
(9. 9. 2000).



Forum yang diadakan di Pulau Pinang. (5.11.2000).

Sumber : *Cosmic*, keluaran Disember, 2000.

Gambar 4.6
Kempen "Earth Charter" yang dianjurkan oleh SGM



Dr. Habito memberi ceramah.



Pn Ella Antonio memperkenalkan Kempen Earth Charter.



Para hadirin ceramah tentang Earth Charter.



Pameran tentang Earth Charter yang disediakan oleh SGM sempena "Rotary International District 3300 Environment Awareness Day" di Pusat Sains Negara.

Sumber : *Cosmic*, keluaran Mac, 2000.



Dr. Habito dan Pn Ella berbincang dengan ahli SGM tentang sumbangan Earth Charter terhadap manusia pada abad ke-21.